

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM Press
Sent: Monday, August 21, 2017 9:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf
Subject: UUM PRESS BERTENAGA DI PROGRAM PEMBANGUNAN PASUKAN EFEKTIF UUM PRESS 2017

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



21 Ogos 2017 / 28 Zulkaedah 1438H

Assalamualaikum WBT & Salam 1Malaysia!



UUM PRESS BERTENAGA DI PROGRAM PEMBANGUNAN PASUKAN EFEKTIF UUM PRESS 2017

UUM Press Online – Pada 10-12 Ogos 2017 yang lalu, jabatan UUM Press telah mengadakan Program Pembangunan Pasukan Efektif UUM Press 2017 bertempat di Kem Biro Tatanegara (BTN) Junjung, Kulim. Program ini disertai oleh semua staf UUM Press. Pelbagai aktiviti dijalankan bagi memantapkan kerjasama berpasukan dalam kalangan staf jabatan. Program ini dikendalikan oleh 6 orang fasilitator terlatih yang diketuai oleh Pensyarah Universiti, Dr. Hazeline binti Ayoup. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Ice Breaking, permainan Trust, Focus & Skills, Vision & Mission,

Laguku Untukmu, Unity in Diversity dan banyak lagi. Selain itu, pihak penganjur juga telah menyelitkan slot kerohanian dengan bacaan Yaasiin dan juga tazkirah yang disampaikan oleh Pengarah UUM Press, Prof. Madya Dr. Ram Al-Jaffri Saad serta Penolong Pengarah Kanan UUM Press, Pn. Umisofian Md Yusuf.

Dalam ucapan penutup program, Pengarah berharap agar program seumpama ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang bagi menambahbaik kerja berpasukan dan juga dapat mengeratkan tali silaturrahim antara staf jabatan. Program ini diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan berpasukan dan juga sijil penyertaan yang disampaikan oleh Pengarah kepada peserta program. Majlis bersurai pada jam 12 tengah hari.

***Kalau ada sumur di ladang,
Boleh saya menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Kulim, moga kita berjumpa lagi!***

Habis.

**“CEKAP, TELITI & BERWIBAWA”
“PENERBITAN ILMIAH KEUTAMAAN KAMI”**

Pejabat Am Pentadbiran dan Kewangan
UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, MALAYSIA
Tel: +604 928 4795/4796
Faks: +604 928 4792
E-mel: penerbit@uum.edu.my

Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.